

## PENERAPAN SIKAP TAULADAN DALAM CERITA BAYOH MENJADI BUAYA: PENGAPLIKASIAN PRINSIP INDIVIDUALISME

Ahmad Ridhwan Che Husin  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,  
Universiti Malaysia Kelantan.  
Email: [firmas14409@gmail.com](mailto:firmas14409@gmail.com)

Mohd Firdaus Che Yaacob  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,  
Universiti Malaysia Kelantan  
Email: [firdaus.cy@umk.edu.my](mailto:firdaus.cy@umk.edu.my)

### ABSTRAK

Cerita rakyat ialah hasil kesusasteraan Melayu lama yang disampaikan secara verbal antara individu kepada individu lain. Cerita rakyat memperlihatkan sikap tauladan yang kukuh disampaikan oleh penglipur lara dalam membaiki akhlak masyarakat. Namun, sikap tauladan tidak mampu disampaikan dengan baik kerana perbezaan alat penyampaian mengikut arus kemodenan yang berlaku. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis penerapan sikap tauladan dalam cerita *Bayoh Menjadi Buaya*. Kajian ini membataskan sebuah cerita rakyat yang bertajuk *Bayoh Menjadi Buaya*. Cerita ini diperoleh dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berpandukan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Selain itu, kajian ini menggunakan prinsip individualisme dalam teori teksdealisme bagi memperkukuhkan analisis. Hasilnya, kajian ini memperlihatkan sikap tauladan mampu dijadikan contoh yang baik kepada masyarakat setempat khususnya aspek moral.

**Kata Kunci:** Cerita Rakyat, Tauladan, Prinsip Individualisme, Masyarakat

### 1. Pengenalan

Cerita rakyat merupakan kesusasteraan tradisi yang berbentuk verbal atau lisan. Cerita rakyat sering disampaikan kepada masyarakat bagi mengajar tentang perlakuan yang baik (Dewitri Ayu Maharani, 2018). Peranan ini ditugaskan kepada penglipur lara bagi menanam jati diri yang baik kepada anggota masyarakat. Setiap inti pati perlu disampaikan secara berhemah agar tidak mengaibkan maruah mana-mana pihak. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Nur Samsiah Mazlan, Siti Aishah Jusoh & Siti Fatimah Ab Rashid (2022) cerita rakyat ialah sebuah kesusasteraan Melayu yang memiliki pelbagai variasi dan mampu berubah mengikut masa atau keadaan. Hal ini bagi memastikan nilai-nilai moral yang dimiliki oleh nenek moyang Melayu mampu disampaikan secara menyeluruh. Kesannya, nilai moral dalam cerita rakyat mampu berubah bentuk mengikut isu yang diperdebatkan dalam komuniti.

Manakala, sikap tauladan diklasifikasikan sebagai satu tindakan atau perbuatan yang perlu diikuti kerana memberi manfaat positif (Yudita Susanti & Ursula Dwi Oktaviani, 2019). Pendidikan ini disampaikan oleh nenek moyang supaya anak-anak muda menerapkan akhlak yang mulia. Akhlak yang diamalkan ini mampu dijadikan sebagai penampilan asas kepada jati diri masyarakatnya. Penyataan ini disokong oleh Novita Dewi (2019) sikap taulan ialah satu perbuatan yang mampu dijadikan contoh berguna kepada masyarakat. Perbuatan baik yang diamalkan oleh komuniti akan memberi kesan yang baik kepada etnik lain untuk mencontohnya. Kesannya, penyebaran sikap tauladan mampu mendidik anak-anak muda untuk sama-sama melakukan kebaikan tanpa membezakan bangsa atau agama.

## 2. Sorotan Kajian Lepas

Melalui pengkajian yang dilakukan, pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas yang membincangkan tentang cerita rakyat Melayu. Antaranya ialah kajian yang bertajuk *Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021). Cerita rakyat memaparkan tingkah laku yang baik dan disampaikan dalam sebuah kisah. Inti pati dalam cerita rakyat memperlihatkan kesinambungan jati diri masyarakat terdahulu. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan politik tempatan dalam kisah *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang*. Kajian ini membataskan sebuah cerita rakyat yang berasal dari Sarawak iaitu *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang*. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi menampilkan bukti yang sahih. Hasilnya, kajian ini mendapati cerita rakyat mampu mendidik masyarakat untuk menjadi pemimpin yang berwibawa dan berdedikasi.

Seterusnya, kajian yang bertajuk *Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja Melalui Media Animasi* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan et, al. (2021). Cerita rakyat ialah sebuah karya Melayu yang dihasilkan melalui tutur kata. Karya cerita rakyat disampaikan oleh penglipur lara bagi menasihati anggota masyarakat yang lebih muda. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis keberkesanan unsur watak dan perwatakan dalam cerita rakyat melalui media animasi. Kajian ini membataskan beberapa cerita rakyat yang dipilih secara rawak dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berpaksikan dua kaedah iaitu kepustakaan dan analisis teks. Hasilnya, kajian ini membuktikan watak dan perwatakan dalam cerita rakyat berbentuk animasi memberi kefahaman yang mendalam kepada kanak-kanak.

Di samping itu, kajian yang bertajuk *Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Samsiah Mazlan et, al. (2021). Kajian ini menerangkan tentang cerita rakyat sebagai sebuah hiburan dicipta oleh masyarakat terdahulu. Cerita rakyat dianggap sebagai nasihat lisan daripada penglipur lara kepada masyarakat setempat. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat dalam cerita rakyat. Kajian ini membataskan untuk meneliti beberapa cerita rakyat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi memperoleh data. Hasilnya, kajian ini membuktikan masyarakat dahulu mampu memberi pendidikan yang baik kepada anak-anak muda dengan sebuah cerita.

Selain itu, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et, al. (2022) telah melaksanakan kajian yang bertajuk *Perspectives Of Students At University Of Malaysia Kelantan On Islamic Values Contained In Folklore In Tumpat, Kelantan Through Quizizz Application*. Kajian ini memperihalkan cerita rakyat sebagai sebuah cerita klasik yang menekankan martabat atau jati diri masyarakat Melayu. Setiap cerita diselitkan dengan beberapa pengajaran untuk membaiki tingkah laku masyarakatnya. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis perspektif pelajar Universiti Malaysia Kelantan terhadap nilai Islam dalam cerita rakyat di Tumpat. Kajian ini membataskan untuk melaksanakan kaji selidik terhadap 38 orang pelajar Universiti Malaysia Kelantan melalui aplikasi Quizzi. Maka, kajian ini telah menggunakan reka kaedah kepustakaan dan lapangan bagi memperkukuhkan data. Hasilnya, kajian mendapati terdapat nilai Islam yang mengajar manusia untuk lebih merendah diri dalam setiap tindakan.

## 3. Penyataan Masalah

Melalui sorotan kajian di atas, pengkaji mendapati terdapat beberapa kelompangan yang diteliti menerusi kajian-kajian lepas. Antaranya ialah *Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang*

*Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021), *Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja Melalui Media Animasi* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan et, al. (2021), *Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Samsiah Mazlan et, al. (2021) dan *Perspectives Of Students At University Of Malaysia Kelantan On Islamic Values Contained In Folklore In Tumpat, Kelantan Through Quizizz Application* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et, al. (2022).

Melalui kajian-kajian lepas yang diperolehi, pengkaji mendapati masih terdapat kelompangan daripada aspek sikap tauladan dalam cerita rakyat. Hal ini terjadi demikian kerana pengkaji terdahulu lebih menekankan terhadap aspek pragmatik, animasi, citra masyarakat dan nilai-nilai Islam dalam pengkajian mereka. Oleh itu, sikap tauladan dalam cerita rakyat mulai dipinggirkan. Maka, kajian ini dilakukan bagi memartabatkan semula sikap tauladan dalam cerita rakyat. Tujuan kajian ini untuk menangkis persepsi masyarakat terhadap peranan cerita rakyat dalam bidang pendidikan. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan mampu memperjelaskan sikap tauladan secara jelas dan terperinci kepada masyarakat pada hari ini.

#### 4. Batasan Kajian

Pada bahagian batasan kajian, pengkaji telah menggariskan untuk meneliti sebuah cerita rakyat iaitu *Bayoh Menjadi Buaya*. Cerita rakyat ini diambil daripada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Buku ini ditulis oleh Zainariah Abdul Wahab et, al. Pada tahun 2017. Buku ini telah diterbitkan oleh *Edukid Production Sdn. Bhd.* Selain itu, kajian ini turut menerapkan teori teksdelisme melalui prinsip individualisme yang digagaskan oleh Mana Sikana (1986). Prinsip ini dilihat sangat dekat dengan gaya penulisan yang mengkaji tentang daya kreatif pengarangnya.

#### 5. Metodologi Kajian

Pada bahagian metodologi, kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif iaitu berpaksikan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan merujuk kepada pengumpulan maklumat mengenai cerita rakyat dan sikap tauladan secara terperinci. Kaedah kepustakaan ini dikumpul melalui bacaan bahan ilmiah. Antara bahan ilmiah yang diteliti ialah buku-buku, jurnal-jurnal, tesis dan sumber internet yang sah. Bahan-bahan ini diperolehi dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan. Bahan-bahan ini diambil rujukan bagi merumuskan tentang cerita rakyat dan sikap tauladan.

Kaedah kedua dalam kajian ini ialah analisis teks. Kaedah ini menggunakan sebuah buku yang bertajuk *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Buku ini ditulis oleh Zainariah Abdul Wahab et, al. Pada tahun 2017. Menerusi kajian ini, pengkaji mengambil sebuah cerita iaitu *Bayoh Menjadi Buaya* bagi menganalisis data secara lebih jelas. Kajian ini turut menggunakan teori teksdelisme menerusi prinsip individualisme bagi menganalisis cerita rakyat secara lebih jelas. Teori teksdelisme ini ditulis oleh Mana Sikana pada tahun 1986. Hal ini kerana prinsip individualisme dilihat lebih sinonim dengan gaya penulisan seorang pengarang.

#### 6. Teori Teksdelisme

Pengkaji menggunakan teori teksdelisme yang digagaskan oleh Mana Sikana (1986). Mengikut teori yang diilhamkan oleh Mana Sikana, teori ini memperlihatkan usaha gigih seorang pengarang dalam melontarkan idea bernas melalui penulisan. Setiap tulisannya memiliki makna mendalam agar masyarakat mampu merasai perubahan yang wajar. Setiap idea pengarang adalah inovasi terbaru untuk perubahan besar kepada masyarakat. Melalui prinsip individualisme, pengarang memperlihatkan gaya penulisan yang rumit namun mampu dihayati

oleh pembacanya dengan sepenuh hati. Prinsip individualisme menekankan bahasa pengarang yang jelas dan bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat. Hal ini agar pengarang mampu mencapai tahap penulisan yang unggul. Setiap karya pengarang perlu memiliki pendapatnya sendiri dan tidak gugup dalam menyampaikan kepada khalayak. Selain memiliki idea kreatif, pengarang juga perlu bijak dalam memberi penyelesaian kepada isu yang diutarakan. Hal ini mampu memberi keyakinan kepada pembaca tentang idea dan cadangan pengarang kepada mereka.

## 7. Penerapan Sikap Tauladan Dalam Cerita *Bayoh Menjadi Buaya*

Pada bahagian ini, pengkaji menemukan beberapa sikap tauladan yang mampu dicontohi dalam cerita *Bayoh Menjadi Buaya*. Antara sikap tauladan yang ditemui ialah kasih sayang ibu terhadap anak, bekerja keras dan sabar dalam menghadapi ujian.

Sikap tauladan merupakan sebuah tindakan yang dilakukan oleh individu dan menjadi contoh kepada komunitinya (Mohd Firdaus Che Yaacob et, al., 2022). Hal ini kerana tindakan baik individu tersebut memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling. Oleh itu, masyarakat cuba menerapkan sikap-sikap yang baik dalam diri mereka. Secara tidak langsung, masyarakat mampu memiliki sebuah kehidupan yang harmoni dan bersatu hati. Kenyataan ini disokong oleh Dewitri Ayu Maharani (2018) yang menyifatkan sikap tauladan ialah tindakan murni yang menjadi ikutan ramai. Sikap ini perlu diiringi dengan hati yang bersih bagi mencapai tahap kesempurnaan dalam hidup. Tauladan memperlihatkan manusia mampu memiliki nilai empati dengan saling membantu antara satu sama lain.

### 7.1 Sikap Tauladan Melalui Kasih Sayang Ibu Terhadap Anak

Kasih sayang ibu terhadap anak merupakan satu bentuk perasaan cinta yang disusuli dengan hati ikhlas (Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et, al., 2022). Keikhlasan hati ini membuatkan seorang ibu mampu menerima baik buruk anaknya. Bagi seorang ibu, anaknya adalah anugerah terbaik daripada Allah kepadanya. Lantaran itu, seorang ibu sanggup mengorbankan dirinya demi kesejahteraan anaknya. Pernyataan ini disokong oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) yang merumuskan kasih sayang ibu terhadap anak ialah perasaan cinta yang luar biasa hingga sanggup berkorban nyawa. Kasih sayang ini membuatkan seorang ibu sanggup kehilangan harta daripada anak yang dikasihi. Kebahagiaan anak menjadi keutamaan matlamat hidup bagi seorang ibu.

Kasih sayang ibu terhadap anak mampu dilihat pada tajuk cerita *Bayoh Menjadi Buaya*. Sikap ini jelas diperincikan dalam petikan di bawah:

Petikan 1

Bayoh tidak tahan dengan keadaan itu lalu berkata kepada kedua anaknya, “Ibu tidak dapat duduk di sini lagi. Tetapi ibu akan duduk di tepi paya di pinggir kampung. Jika kamu mahukan sesuatu, carilah ibu di sana.”

(Zainariah Abdul Wahab et, al., 2017: 23)

Melalui petikan 1, kasih sayang ibu terhadap anak mampu dilihat pada watak Bayoh. Watak Bayoh memiliki keluarga yang bahagia pada mulanya. Namun keadaan itu mula berubah apabila suami Bayoh iaitu Gala terlibat dengan judi. Hal ini menyebabkan Bayoh terpaksa menyara anak-anak dengan menuai padi. Tetapi hasil padi tidak pernah dipegang oleh Bayoh kerana suaminya akan menjual padi tersebut untuk bermain judi. Setelah kejadian itu berlarutan, Bayoh mula berputus asa dengan keadaan itu. Maka, Bayoh mengambil keputusan untuk menetap berdekatan paya di kampung mereka. Bayoh sempat berpesan agar anak-anak

menemuinya jika memerlukan apa-apa. Kasih Bayoh terhadap anak-anaknya hingga sanggup berkorban jiwa dan harta.

Pengaplikasian teori teksdelisme melalui prinsip individualisme oleh Mana Sikana (1986). Prinsip individualisme ini mengutamakan pendapat atau idea kreatif daripada seorang pengarang. Hal ini jelas terbukti dimana pengarang menekankan watak Bayoh yang penyayang dan cinta akan anak-anak. Watak Bayoh dilihat sanggup tinggal di tepi paya yang akhirnya berubah menjadi buaya. Hasil penulisan pengarang telah menambat hati pembaca dengan penghayatan mendalam mengenai kasih seorang ibu. Pengarang menampilkan watak ibu yang rela mengorbankan nyawanya dengan berubah menjadi buaya demi anak yang dikasihi.

## 7.2 Sikap Tauladan Melalui Sabar Menghadapi Dugaan

Sabar menghadapi dugaan merupakan sifat seseorang yang kuat untuk menahan penderitaan (Mohd Firdaus Che Yaacob et, al., 2022). Seseorang itu kuat dalam menempuh cabaran kerana memiliki matlamat tertentu. Bagi mencapai matlamat, individu itu sanggup menahan emosi, kesakitan dan penderitaan. Oleh itu, matlamat yang kuat membimbing individu itu untuk terus bersabar. Kenyataan ini disokong oleh Novita Dewi (2019) menyifatkan sabar menghadapi dugaan ialah satu bentuk akidah yang wujud dalam diri muslimin yang sejati. Hal ini kerana individu itu sanggup berkorban jiwa demi mencapai tahap kesabaran yang tinggi. Oleh itu, perkara negatif seperti dihina atau dicerna tidak sesekali mengugat kesabaran individu tersebut. Selain itu, sabar menghadapi dugaan mampu dilihat dalam tajuk cerita *Bayoh Menjadi Buaya*. Sikap ini jelas diperincikan dalam petikan di bawah:

### Petikan 2

Gala merayu supaya Bayoh memaafkannya dan berjanji akan mengubah sikap. Tetapi janji itu tidak ditunaikan. Gala tetap dengan perangai buruknya.

(Zainariah Abdul Wahab et, al., 2017: 23)

Berdasarkan petikan di atas, sikap sabar menghadapi dugaan mampu dilihat pada watak Bayoh. Bayoh memiliki seorang suami bernama Gala. Gala dikatakan gemar bermain judi tanpa hiraukan keadaan anak dan isterinya. Oleh kerana itu, Bayoh menggunakan kudrat yang ada untuk menggalas beban ekonomi keluarga. Walaupun Gala sering meminta maaf dan berjanji untuk tidak berjudi namun dia masih tidak berubah. Bayoh dilihat sabar dengan perangai buruk suaminya itu. Bayoh rela berkorban demi sesuap nasi untuk keluarganya.

Pengaplikasian teori teksdelisme melalui prinsip individualisme oleh Mana Sikana (1986). Prinsip ini mengutamakan bahasa yang indah untuk menggambarkan tingkah laku watak utama. Hal ini bagi menjelaskan kepada pembaca tentang kebaikan hati yang dimiliki oleh watak utama. Tindakan pengarang ini mampu menangkis persepsi buruk pembaca kepada tindakan akhir watak utama iaitu meninggalkan anak-anaknya. Hal ini kerana pengarang telah mendedahkan kelakuan watak samping iaitu suami Bayoh yang tidak mahu berubah. Hal ini mampu memberi persepsi positif terhadap tindakan Bayoh sekadar untuk mengingatkan Gala tentang tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga.

## 7.3 Sikap Tauladan Melalui Bekerja Keras

Bekerja keras merupakan perilaku bersungguh-sungguh dalam mencapai impian atau matlamat (Nur Samsiah Mazlan et, al., 2021). Sikap bekerja keras meliputi tindakan seseorang yang tidak berputus asa demi melihat matlamat hidup tercapai. Individu itu tidak akan sesekali mengeluh tentang kepayahan atau kesusahan yang dialami. Hal ini kerana individu itu yakin pada akhirnya setiap tindakan itu akan memberi manfaat yang berpanjangan. Pernyataan ini disokong oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan et, al. (2021) yang mendefinisikan kerja keras ialah

perbuatan seseorang yang tidak mengenal makna kegagalan. Hal ini kerana individu percaya setiap tindakan akan memberi hasil yang positif. Usaha berpanjangan perlu diselaraskan bagi memperoleh manfaat tersebut. Oleh itu, sikap tangguh tidak akan wujud dalam diri individu tersebut.

Sikap bekerja keras mampu dilihat dalam cerita *Bayoh Menjadi Buaya*. Sikap ini jelas diperincikan dalam petikan di bawah:

### Petikan 3

Suatu hari, Gala berubah sikap. Ia tidak lagi turun ke sawah seperti biasa tetapi tidur di rumah. Adakalanya ia ke pekan dan pulang lewat dalam keadaan mabuk. Tinggalah Bayoh seorang diri berhempah pulas mengerjakan sawah.

(Zainariah Abdul Wahab et, al., 2017: 23)

Melalui petikan ini, sikap bekerja keras mampu dilihat pada watak Bayoh. Perubahan sikap suaminya, Gala menyebabkan Bayoh terpaksa bekerja seorang diri. Bebanan hidup semakin bertambah apabila suaminya sering mabuk dan berjudi. Masalah bertimpa-timpa membuatkan Bayoh semakin bekerja keras demi menyara kedua-dua anaknya yang masih kecil. Namun, hasil kerjanya sering diambil oleh Gala untuk berjudi. Hal ini memberi impak yang besar kepada Bayoh. Hal ini disebabkan Bayoh seorang yang menyara kehidupan keluarga mereka tanpa bantuan Gala.

Pengaplikasian teori teksdelisme melalui prinsip individualisme oleh Mana Sikana (1986). Prinsip ini mengutamakan pemikiran kreatif pengarang untuk meletakkan karyanya di peringkat utama. Karya ini memaparkan keteguhan hati seorang perempuan yang sanggup membanting tulang demi menyara keluarganya. Pengarang menampilkan watak utama yang baik serta mampu menyara kehidupan keluarga. Pengarang juga bertindak mewujudkan watak sampingan yang kecundang dan menjadi beban kepada watak utama. Melalui sandaran ini, watak utama mampu meraih persepsi positif daripada pembacanya.

## 8. Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini mampu memperjelaskan sikap tauladan dalam cerita rakyat. Hal ini kerana sikap tauladan mampu menonjolkan kehalusan budi bahasa seseorang individu dalam aspek pergaulan sosial. Secara tidak langsung, sikap tauladan telah mengajar remaja khususnya untuk memiliki satu keperibadian mulia dan mementingkan perhubungan sosial. Justeru itu, cerita rakyat seharusnya diperkasakan dalam diri remaja semenjak kecil. Hal ini mampu membentuk keperibadian kepimpinan dalam kalangan remaja bagi mentadbir urusan negara pada masa akan datang.

## 9. Rujukan

- Dewitri Ayu Maharani. (2018). Tiga Versi Cerita Panji: Kajian Naratologi Menurut Perspektif A.J Greimas. *Tesis Ijazah Sarjana Sastra*. Universiti Sanata Dharma, Yogyakarta.
- Mana Sikana. (1986). *Kritikan Sastera Pendekatan dan Kaedah*. Penerbit: Fajar Bakti. Petaling Jaya.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et, al. (2022). Perspectives Of Students At University Of Malaysia Kelantan On Islamic Values Contained In Folklore In Tumpat, Kelantan Through Quizizz Application. *Journal of Positive School Psychology*. 6(6), 325-339.

- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2021). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. *Issues in Language Studies*. 10(1), 110-130.
- Mohd Firdaus Che Yaacob et, al. (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 15-32.
- Novita Dewi. (2019). Kisah Putri Cina sebagai Duta Perdamaian dalam Sastra Dunia. *Prosiding Seminar Nasional Membaca Sindhunata: Perspektif Bahasa, Sastra dan Budaya*. Universiti Sanata Dharma, Yogyakarta. 115-120.
- Nur Samsiah Mazlan et, al. (2021). Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 9(2), 93-106.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan et, al. (2021). Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja Melalui Media Animasi. *Jurnal Melayu*. 20(2), 230-246.
- Yudita Susanti & Ursula Dwi Oktaviani. (2019). Morfologi Cerita Rakyat Dayak Tamambaloh Baraa Nangis Isantuk Paingko Arung: Analisis Naratologi Vladmir Propp. *Prosiding Seminar Nasional Membaca Sindhunata: Perspektif Bahasa, Sastra dan Budaya*. Universiti Sanata Dharma, Yogyakarta. 93-114.
- Zainariah Abdul Wahab et, al. (2017). *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Penerbit: Edukid Publication Sdn. Bhd. Batu Caves, Kuala Lumpur.